

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, March 25, 2019 4:34 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pendidikan Tinggi Penghubung Asia Dan Eropah



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

25 MAC 2019 / 18 REJAB 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

PENDIDIKAN TINGGI PENGHUBUNG ASIA DAN EROPAH



UUM ONLINE: UUM menerima kunjungan ahli akademik Projek BRECIL dalam rangka lawatan rasmi sempena *Programme for BRECIL Study Tour at UUM*, bermula semalam.

Delegasi diketuai oleh Prof. Dr. Noor Hayaty Abu Kasim dari Universiti Malaya membabitkan Gothenburg University, Groningen University, SDI Munich University, National University of Laos dan Souphanouvong University.

Koordinator BRECIL UUM, Prof. Madya Dr. Hariharan N.Krishnasamy berkata, kunjungan dua hari itu memberi tumpuan kepada tadbir urus penyelidikan dalam membangunkan modal insan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT), terutamanya di Malaysia dan Laos.

“Lawatan ini memberi gambaran keseluruhan tadbir urus penyelidikan di UUM untuk membantu IPT dalam meningkatkan tadbir urus penyelidikan.

“Ini termasuk mekanisme dan perkhidmatan untuk menyediakan sokongan pengurusan penyelidikan, pemantauan penyelidikan dan inovasi, etika penyelidikan, pengurusan geran, penyebaran dapatan penyelidikan dan penerbitan.

“Kami berharap lawatan belajar itu akan memberikan input relevan yang akan membantu meningkatkan tadbir urus penyelidikan di National University of Laos and Souphanouvong University,” ujarnya.

Beliau berharap sesi yang dianjurkan dengan kerjasama Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi UUM (RIMC), Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC), UUM Press, Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC) dan Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun Dan Falsafah (SLCP) memenuhi agenda yang ditetapkan.

Manakala Pensyarah SOC, Prof. Madya Dr. Mazida Ahmad berkata, BRECIL adalah projek Erasmus + CHBE yang melibatkan pendidikan tinggi antara Kesatuan Eropah (EU) dan negara ASEAN yang memberi tumpuan kepada pembangunan penyelidikan dan keupayaan inovatif untuk tadbir urus dan pengurusan penyelidikan yang baik.

“Projek ini bermula dari Oktober 2017 hingga Oktober 2020 yang diketuai Universiti Malaya dengan tiga rakan EU, dua rakan kongsi Laos serta UUM.

“Projek ini juga akan memperluaskan agenda ekonomi pengetahuan dan membina kawasan pendidikan tinggi yang menghubungkan Asia dan Eropah dengan menyokong asimilasi pengetahuan antara EU dan rakan kongsi ASEAN,” katanya.

Sementara itu, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani mengalu-alukan kunjungan delegasi sambil menyifatkan lawatan ini sebagai cara yang ideal untuk penyelidik bertukar idea dalam meningkatkan lagi aktiviti berkaitan penyelidikan.

“Ia sememangnya penghormatan kepada UUM untuk menjadi tuan rumah dan usaha ini sesuai dengan penekanan UUM terhadap penyelidikan berimpak tinggi dan perkembangan amalan penyelidikan dinamik yang ke arah peningkatan dalam produktiviti,” ujarnya di Manager’s Coffee.

Menurutnya, UUM menyokong sepenuhnya keperluan untuk menyediakan persekitaran akademik dalam meningkatkan tadbir urus penyelidikan dan mewujudkan sinergi institusi antara institusi pengajian tinggi.

“Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua perwakilan kerana membuat lawatan ini menjadi kenyataan dan semoga lawatan ini menjadi titik permulaan misalnya pertukaran pelajar, penyelidikan atau aktiviti akademik bersama,” tambahnya.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.